

NO. SOALAN:82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 28 MEI 2015

RUJUKAN : 7918

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil untuk menghentikan kemasukan orang-orang asing ke Malaysia dan setakat sekarang apakah jumlah penduduk asing tanpa izin dan bagaimana mereka dapat masuk negara ini serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada sebarang peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 yang boleh menghentikan kemasukan orang-orang asing yang mematuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan iaitu:-

- i) mempunyai pasport yang sah;**
- ii) visa yang sah sekiranya perlu;**
- iii) nama tiada dalam senarai syak Jabatan;**
- iv) mempunyai tiket penerbangan untuk balik ke negara asal mereka; dan**
- v) wang yang mencukupi bagi menyara diri, untuk masuk ke Malaysia.**

Walau bagaimanapun, sekiranya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengesan terdapat mana-mana orang asing yang melanggar Akta Imigresen Malaysia 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan Imigresen 1963, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih berada dalam negara tidak diketahui. Semua pendatang asing yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah pendatang asing yang sah dan mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan mengadakan operasi yang berterusan dan melalui Program Serah Diri (Kompoun 3+1).

Dari tahun 2014 hingga 6 Mei 2015, JIM telah menjalankan sebanyak 8,453 operasi dan telah memeriksa seramai 176,743 orang yang disyaki PATI dan seterusnya menangkap seramai 56,624 orang warga asing atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah yang ditangkap, seramai 18,330 orang PATI telah diambil tindakan mahkamah.

PATI yang ditahan atau didakwa akan dihantar pulang ke negara asal dan kos ditanggung oleh pekerja, majikan atau kedutaan. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran pulang PATI. Seramai 96,032 orang PATI telah diusir keluar ke negara asal mereka dan disenarai hitamkan dari tahun 2014 hingga 31 Mac 2015.

Melalui Program Serah Diri (Kompoun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 6 Mei 2015, seramai 150,331 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke negara asal.